

di gunung-ganang. Berilah keyakinan kepada Kerajaan Barisan Nasional, Insya Allah kita akan membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih meningkat lagi, bagi negeri dan rakyat Kelantan.

7. Sebagaimana yang telah saya tegas dan jelaskan, bahawa adalah menjadi hasrat suci Kerajaan Pusat, yang didukung oleh Barisan Nasional, membawa lebih banyak lagi projek-projek pembangunan ke negeri ini, bagi membolehkan rakyat Kelantan mendapat faedah dan kemakmuran, serta menikmati kekayaan negara dengan lebih